

JIHAD AKBAR FARDHU AIN

100 TAHUN AGENDA ZIONIS DI PALESTIN (BAHAGIAN 1)



0.54
JIH

DISUNTING OLEH
KHALID JIMAT



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
BEBASKAN
AL-AQSA
KEPIMPINAN
PERDANA





JIHAD AKBAR FARDHU AIN

100 TAHUN AGENDA ZIONIS DI PALESTIN (BAHAGIAN 1)

DISUNTING OLEH
KHALID JIMAT

PUSTAKA PERDANA



1012871



Cetakan Pertama : Februari 2015

© Khalid Jimat

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpankekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada secara elektronik, sawatan, salinan foto, mekanik, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

JIHAD AKBAR FARDHU AIN : 100 TAHUN AGENDA ZIONIS DI PALESTIN.

(BAH. 1) / DISUNTING OLEH KHALID JIMAT

ISBN 978-967-13024-4-6

1. Zionism. 2. Jews—Politics and government.

3. Arab-Israeli conflict. I. Khalid Jimat, 1985-.

320.54095694

Penerbit

Risalah Harmoni Sdn Bhd

Unit E-67-1, Block E, Platinum Walk

No 2, Jln Langkawi, Tmn Danau Kota

53300 Gombak, Kuala Lumpur

T: 03-4144 3363 • F: 03-4144 3364

E: admin@risalahharmoni.com

FB: Risalah Harmoni

Diatur huruf oleh

Imedia Production

Muka taip teks: Myriad Pro

Saiz taip teks: 11 poin

Dicetak oleh

Percetakan Majujaya Sdn Bhd

68, Jalan 14E, Ampang New Villange

68000 Ampang, Selangor

KREDIT

Koordinator

Abu Syamil

Editor

Khalid Jimat

Khubaib Muhamad Asmadi

Grafik & Kulit

Risalah Harmoni Sdn Bhd


Rekaletak

Mohd Azlee Noor Azmi

320.54
J14

Isi kandungan

Kandungan	Mukasurat
Prakata Penerbit	ii
1 Obsesi Theodor Herzl..... Abu Khalid	1
2 Seratus Tahun Jihad Akbar Fardhu Ain (1914 – 1918)..... Hafidzi Mohd Noor	13
3 Ulama Tanah Melayu Bukan Pahlawan Kampung..... Syed Mohd Radhi Syed Sakkaf	23
4 Deklarasi Balfour 1917 - Batu Asas Penubuhan Israel	33
Khalid Jimat	
5 Holokos - Antara Kebenaran dan Propaganda Zionis..... Mutawakkil	45
6 Resolusi 181 PBB - Gagal Sebelum Bermula	55
Syed Mohd Radhi Syed Sakkaf	
7 Penghapusan Etnik Terancang di Palestin..... Azam Che Idris	67



Prakata Penerbit

Sebut sahaja Palestin, umum akan maklum akan penderitaan dan liku-liku perjuangan yang dilalui warganya sejak Zionis bertapak rasmi pada tahun 1948 di tanah ar-Ribath itu. Tahun demi tahun, isu Palestin telah memasyarakat. Jika dahulu, hanya mereka yang mempunyai daya akses yang baik terhadap wacana global sahaja yang mampu berbicara soal Palestin, kini seluruh strata masyarakat memperjuangkannya. Bahkan ia telah merentas bangsa, budaya dan agama. Pelbagai makalah ditulis, seminar dan kursus dianjurkan bertemakan perjuangan Palestin, bahkan Palestin adalah menjadi penting untuk mana-mana medium yang komersial seperti akhbar, siaran televisyen dan majalah.

Sesungguhnya, rumus Andalus yang dimusnahkan pada tahun 1492 oleh bala tentera Raja Ferdinand tidak terpakai di bumi al-Quds, kerana dunia seluruhnya telah bangkit dan sedar akan kelicikan Zionis yang memporakporandakan bumi al-Quds. Temberang Zionis telah terbongkar, walau apa sahaja propaganda yang dimainkan media tajaan mereka untuk menutupi jenayah mereka selama lebih 66 tahun itu. Peristiwa Mavi Marmara, Global March to Jerusalem, sokongan negara-negara Eropah ke atas perjuangan Palestin dan sebagainya telah membentuk plot-plot yang menaik saban tahun menandakan pembebasan Palestin semakin mendapat perhatian di seluruh pelusok dunia.

Palestine Centre of Excellence (PACE) merupakan sebuah badan yang berperanan menjalankan kajian strategik dan futuristik terhadap isu umat Islam di Palestin dan Timur Tengah. PACE aktif dalam usaha mewujudkan

pengkalan data yang luas dan mengklasifikasikannya melalui metod yang paling moden, saintifik dan teknikal dengan kerjasama para ulama dan pakar sejak 2006. Atas tujuan itu, PACE telah menyusun artikel-artikel kajian empirikalnya dari panel-panel kajian yang berautoriti untuk mempersembahkan kepada umum berkenaan isu-isu terkini Palestin dengan tajuk "Jihad Akbar Fardhu Ain: 100 Tahun Agenda Zionis di Palestin (Bah. I)".

Jutaan penghargaan diucapkan kepada Palestine Centre of Excellence (PACE) kerana memberi kepercayaan kepada Risalah Harmoni Sdn Bhd untuk menerbitkan penulisan ini.

Penerbit

1

..... OBSESI THEODOR HERZL

Abu Khalid

Theodor Herzl merupakan satu watak penting dalam perkembangan agenda Zionis sedunia. Hari ini, perjuangan yang dibawanya itu telah melahirkan negara Israel. Di sebalik kejayaannya itu, adanya pemandu yang selama ini telah menghala tujukan perjuangan Zionis seawal penubuhannya. Di sana letaknya peranan Theodor Herzl.

Theodor Herzl dan perjuangan bangsanya tidak lahir begitu sahaja. Ia merupakan penerusan episod perjuangan Bangsa Yahudi, setepatnya keturunan Israel yang telah berusia ribuan tahun.

Kisah Bani Israel

Menurut naratif yang dituliskan dalam Al-Quran dan *Bible*, kisah Bani Israel bermula semenjak keberadaan mereka di Mesir. Apabila Yusuf a.s. dilantik menjadi pembesar, keseluruhan Bani Israel (Keturunan Nabi Yaakob a.s.) berhijrah ke Mesir.¹

Kebahagiaan yang dikecapi oleh keturunan ini tidak lama, semakin jauh mereka dari sinar Islam, semakin mereka berada

¹ Al-Quran Surah Yusuf

dalam penindasan. Sehingga pada 3100 sebelum Masihi apabila naiknya pemerintahan Raja Narmer yang mula memakai gelaran Firaun, Bani Israel menjadi bangsa yang tertindas; menjadi hamba.

Pada tahun 1279 sebelum masihi, semasa pemerintahan Firaun Ramesses II, Tukang Tilik / Ahli Sihir Firaun telah meramalkan bahawa akan lahirnya dari kalangan Bani Israel, seorang revolusioner yang akan menjatuhkan kerajaannya. Ini menanamkan rasa takut dalam hati Firaun yang akhirnya mengarahkan askar-askarnya untuk membunuh kesemua bayi-bayi lelaki yang lahir dari kalangan Bani Israel.

Setelah beberapa ketika, penasihatnya memberikan nasihat agar Firaun tidak membunuh kesemua anak lelaki, tetapi membiarkan sedikit agar bekalan hamba dari generasi Bani Israel tidak terputus, sekaligus memastikan kelestarian tamadunnya terpelihara. Justeru, Firaun mengarahkan agar operasi penghapusan bayi lelaki di kalangan Bani Israel itu dilakukan selang setahun. Setahun dibunuh kesemua bayi lelaki yang lahir, setahun seterusnya dibiarkan.

Dengan kuasa Allah, Nabi Musa a.s. telah dilahirkan pada tahun pembunuhan dan ia telah menggusarkan hati ahli keluarganya. Namun, Allah telah mengilhamkan kepada ibunya untuk membiarkannya terapung dibawa oleh air Sungai Nil. Sungguh hebat aturan ilahi, akhirnya Musa a.s. diselamatkan oleh isteri Firaun dan dibesarkan di dalam istana.²

Masa berlalu, apabila meningkat dewasa, Nabi Musa a.s. telah dilantik menjadi Rasul Allah dan membawa Bani Israel keluar dari daerah Firaun. Dengan kesedihan yang amat, Nabi Musa a.s. telah menyelamatkan kaumnya dari kekuasaan Firaun dan baginda telah

² Al-Quran Surah Al-Qasas

melihat sendiri bagaimana ayah angkatnya itu ditelan oleh air laut Merah yang menggulung.

Nabi Musa a.s. bersama kaumnya, Bani Israel telah berkelana ke Semenanjung Sinai, sehinggalah Allah mengarahkan mereka untuk menyerang Bangsa Palestin.³⁴ Namun, kaumnya enggan dan dibalas dengan kesesatan di Gurun Pasir Sinai selama 40 tahun.

Masih dengan pengkhianatan terhadap Tuhan, mereka telah memberontak ke atas para Nabi malah membunuh mereka. Pada tahun 921 sebelum Masihi, Baitulmaqdis telah diserang oleh Bangsa Assyria hingga memaksa mereka keluar dengan musnahnya Haykal Suleiman.

Beberapa tahun selepas itu, mereka berpeluang untuk kembali ke Baitulmaqdis. Namun pada tahun 587 sebelum Masihi, Tamadun Babylon pula yang menyerang mereka hingga sekali lagi meruntuhkan Haykal Suleiman dan meninggalkan sisanya yang didakwa berada di bawah Masjidil Aqsa pada hari ini ini; di Tembok Buraq, Masjid al-Aqsa. Ianya kini dijadikan sebagai tembok ratapan, sebahagian daripada tempat ibadah mereka bagi memperingati keunggulan sejarah mereka di zaman Raja Daud dan Raja Sulaiman.

Serangan oleh Babylon mengakhiri keberadaan Bani Israel di Baitulmaqdis. Sejak itu Bani Israel terpaksa hidup dalam diaspora di segenap pelusuk dunia, dibenci, menjadi sasaran prasangka antisemitisme dan pogrom. Sehinggalah pada tahun 1882, sekelompok Yahudi pertama dari Eropah telah berjaya membeli tanah-tanah di Palestin.⁵

³ Al-Quran Al-Maidah 5 : 21


⁴ Saiful Bahri, The Forbidden Country [36]

⁵ Ilan Pappé, The Idea of Israel [17]

Terperangkap Dalam Diaspora⁶

Sejarah pelarian Bani Israel ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati bangsa ini terhadap nasib mereka. Penindasan demi penindasan yang mereka alami di setiap negara yang diduduki menyebabkan mereka gagal untuk optimis terhadap masa depan bangsa mereka sendiri.

Sehinggalah pada tahun 1791, Yahudi mula mendapat tempat di kebanyakan negara di Eropah setelah Revolusi Perancis. Antara tempat yang dikhususkan buat Yahudi pada waktu itu adalah Vienna, Austria tempat di mana Theodor Herzl dibesarkan.




Gambar 1: Bani Israel telah berada dalam diaspora selama ribuan tahun. Apabila Israel ditegakkan pada 1948, mereka berpusu-pusu datang ke tanah tersebut.

⁶ *Diaspora* didefinisikan oleh Merriam-Webster.com sebagai *a group of people who live outside the area in which they had lived for a long time or in which their ancestors lived* [Sekumpulan manusia yang tinggal di luar kawasan di mana mereka pernah tinggal dalam suatu masa yang lama dan di mana nenek moyang mereka tinggal]

Diaspora seringkali digunakan untuk menerangkan keadaan Bani Israel yang menjadi pelarian setelah 2 pengusiran yang berlaku ke atas mereka dari tanah Palestin.

Revolusi Perancis menyaksikan keruntuhan sistem Feudal yang dikuasai oleh Raja dan Penasihat Agamanya, iaitu Bishop. Episod penghapusan Yahudi di negara-negara beraja ini tamat dengan tamatnya institusi itu di eropah. Yahudi mula berpindah-randah di sekitar Eropah, termasuk Russia, Jerman dan Eropah Timur bagi memulakan kehidupan mereka di sana.

Peristiwa kejayaan revolusionis itu telah menginspirasi mereka seterusnya untuk membina negara mereka sendiri. Ia telah dinamakan sebagai peristiwa *Hakalah* di kalangan bangsa Yahudi. Semenjak *Hakalah*, idea Zionisme mula dicanang-canangkan di kalangan Bangsa Yahudi.



Gambar 2: Walaupun Revolusi Perancis dikatakan telah gagal pada tahun 1799 dan kesannya telah berjaya diatasi (nullified) pada 1815, namun revolusi ini telah berjaya membuahkan beberapa kesan yang *significant*. Code Napoleon telah berkesan membunuh sistem Feudal; sistem sosial dan kontrak sosial berjaya diubah.⁷

⁷ <http://www.infoplease.com/encyclopedia/history/french-revolution-effects-revolution.html>

Zionisme ialah ideologi yang berimpian dengan sedaya upaya untuk menyatukan bangsa Yahudi di Palestin, tanah yang pernah mereka diami. Mereka berhasrat membina negara mereka yang bebas merdeka di sana.⁸

Ada 2 pendapat lain yang popular mengenai asal usul idea Zionisme. Pertama, ia telah diasaskan oleh golongan terdahulu semasa jatuhnya Judea dan Samaria di tangan Rom pada 20AD. Kedua, idea ini tercetus ketika berlakunya satu malapetaka pembunuhan besar-besaran di Russia yang dinamakan *Anti-Semitic Pogrom* (pembunuhan besar-besaran anti semitisme). Kedua-dua peristiwa ini telah membangkit semangat mereka untuk membela bangsa mereka sendiri.⁹ Tambahan pula, pada waktu itu mereka hidup dalam *diaspora*, tidak mempunyai negara sendiri.

Walaupun bagaimanapun, Zionisme hanya lahir dalam bentuk yang lengkap apabila tertubuhnya Pertubuhan Zionis Sedunia hasil daripada Persidangan Zionis Sedunia di Basel, Switzerland. Pertemuan itu merupakan pertemuan buat julung kalinya mereka yang mendokong ideologi ini berkumpul dan melakar perancangan bagi tertegaknya Eretz Yisrael. Lebih 200 orang Yahudi, kebanyakannya dari Eropah Barat telah menghadiri diri.

Theodor Herzl, Bapa Zionisme telah dilantik menjadi Presiden Pertubuhan Zionis Sedunia yang pertama. Beliau adalah dalang di sebalik penubuhan organisasi ini dan beliau adalah yang telah menggerakkan rencana Pertubuhan Zionis Sedunia bersama Nathan Birnbaum sehingga negara Israel berjaya ditubuhkan 50 tahun kemudian.¹⁰

⁸ Anita Shapira, *Land & Power, The Birth of National Ethos*

⁹ Anita Shapira, *Land & Power, The Birth of National Ethos*

¹⁰ Theodor Herzl, *Diari Theodor Herzl*

Latar belakang Theodor Herzl

Theodor Herzl atau nama sebenarnya Benjamin Ze'ev Herzl dilahirkan di Budapest, Hungary pada 2 Mei 1860 dan membesar di Vienna, Austria. Dilahirkan dalam masyarakat yang tertindas, Herzl berazam untuk merubah nasib bangsanya.

Pada usia seawal 23 tahun, Herzl telah berjaya menamatkan pengajian dan dianugerahkan Ijazah Falsafah (PhD) dalam Kursus Undang-undang oleh Universiti Vienna. Selepas bergraduasi, beliau tidak bekerja dalam bidang tersebut, sebaliknya menceburi bidang jurnalisme dan pementasan teater.

Penglibatan Herzl dalam gerakan Zionisme bermula dengan pendedahan demi pendedahan akan nasib yang menimpa bangsa Yahudi pada zamannya. Pada tahun 1892, Herzl telah membaca buku tentang anti-semitisme berjudul *"The Jewish Problem of Race, Morals and Culture"* karangan Eugen Duhring. Buku ini telah membangkitkan minat beliau untuk menulis artikel berkenaan gejala anti-semitisme yang berlaku di Perancis. Dalam artikelnya, beliau berhujah bahawa insiden di Perancis itu sudah cukup untuk dijadikan asbab untuk Yahudi sama-sama kembali ke Zion. Namun, penulisan ini telah ditolak oleh kebanyakan orang Yahudi kerana sentimen yang diwujudkananya itu bertentangan dengan pemikiran masyarakat Yahudi pada waktu itu.

2 tahun sebelum *"Der Judenstaat"* (*The Jewish State*) diterbitkan, Theodor Herzl telah menulis sebuah buku bertajuk *"The New Getto"*. Karya itu telah dimainkan dalam suatu pementasan teater yang telah menarik perhatian keluarga Rothchild, keluarga Yahudi yang sangat berpengaruh di Eropah.

Ketika mana Alfred Dreyfus dibicarakan atas tuduhan pengkhianatan ke atas Perancis pada Disember 1894, Herzl telah

hadir menyaksikannya. Di matanya, tuduhan ke atas bangsawan itu merupakan konspirasi terancang oleh golongan yang bencikan Yahudi. Di lorong-lorong di Paris pada waktu itu, kedengaran teriakan-teriakan "Hancur hancur Yahudi". Peristiwa ini menguatkan lagi tekad Herzl untuk mengeluarkan Yahudi dari Eropah dan berusaha membina negara mereka sendiri.

Pada tahun 1895, beliau telah bertemu dengan keluarga Rothchilds. Beliau berjaya menarik minat keluarga ternama tersebut untuk bersama-sama menjayakan agenda yang mereka sepakati bagi membela nasib bangsa Yahudi. Beliau juga menjaja ideanya dalam pertemuan-pertemuan sastera bersama-sama rakan-rakannya. Apabila beliau membaca jurnal tulisan Edouard Drumont, *La France Juive*, beliau berkata: "*Aku perlu berterima kasih kepada Drumont kerana beliau telah banyak merungkai banyak persoalan yang membelenggu diriku berkaitan permasalahan Yahudi.*"

Pada tahun 1896, Herzl telah menulis *Der Judenstaat (The Jewish State)*. Buku ini menerangkan mengapa Yahudi perlu bangkit dan berusaha sedaya mungkin untuk menubuhkan negara Israel. Beliau menyeru Yahudi untuk melepas diri dari sentimen anti-semitisme dan penindasan yang berlaku di Eropah pada waktu itu. Di dalam bukunya juga, Argentina dan Palestin telah dicadangkan untuk dijadikan tapak pembinaan negara mereka. Buku tersebut tersebar dengan cepat ke serata dunia dan mendapat sambutan yang luar biasa. Terdapat sebilangan kelompok pemuda yang begitu teruja lantas menubuhkan satu Pertubuhan yang bernama "Kelab Pencinta Zion" (*Hovevei Zion / Hibbat Zion*) dan melantik Herzl menjadi penaungnya.

Pada Ogos 1897, Theodor Herzl dan rakannya Nathan Birbbaum telah menyeru seluruh masyarakat Yahudi untuk berhimpun. Mereka telah berjaya menghimpunkan sekitar 200 orang Yahudi yang menjadi pemangkin penubuhan Pertubuhan Zionis


Antarabangsa. Herzl telah dipilih menjadi Presiden Pertubuhan Zionis Antarabangsa yang pertama meskipun usia beliau baru mencecah 37 tahun. Dalam perhimpunan tersebut, Herzl dengan penuh bersemangat berkata: *“We have nothing to do with conspiracy, secret intervention or indirect methods. We wish to put the question in the arena and under the control of free public opinion.”*¹¹

Selaku Presiden, beliau telah berhubung dengan Sultan Abdul Hamid II, Khalifah Uthmaniyah pada ketika itu dengan bantuan daripada Kaiser Wilhelm. Theodor Herzl bercadang untuk mendapatkan tanah Palestin dengan restu Khilafah pada waktu itu. Namun, permintaan beliau telah ditolak oleh Sultan Abdul Hamid II. Malah, Sultan Abdul Hamid II telah mengutus surat kepada sahabat beliau, Neolinski yang berbunyi:

*“Nasihatkan sahabat engkau Herzl supaya tidak melakukan apa-apa tindakan baru berhubung perkara ini. Kerana saya tidak mampu menyerahkan walaupun sejenkal tanah suci (Palestin). Ini kerana, ia bukan milik saya, tetapi milik bangsa saya (ummah). Leluhur saya telah berperang mendapatkan bumi ini dan mereka telah mengalirkan darah mereka. Biarlah Yahudi simpan wang berjuta mereka. Jika empayar ini (Khilafah Uthmaniyah) hancur, mereka mungkin akan memperolehi Palestin tanpa sebarang bayaran. Cuma untuk itu, mayat kami perlu dicincang terlebih dahulu. Namun saya tidak akan rela mayat saya dicincang selagimana saya masih hidup.”*¹²

¹¹ Theodor Herzl, *The Jewish State* (1895)

¹² *Al-Yahud Wa al-Daulah al-Uthmaniyah*, hal. 120.



Gambar 3: Sultan Abdul Hamid II, tegas mempertahankan Palestin daripada dijarah oleh Zionis. Namun, kejatuhan Khilafah Uthmaniyah telah mengorbankan Palestin.

Apabila hasrat beliau untuk mendapatkan Palestin menghadapi jalan sukar, British telah mengeluarkan Proposal Uganda agar Pertubuhan Zionisme Sedunia dapat menduduki Uganda sebagai alternatif kepada Palestin. Peristiwa ini telah menyebabkan pertelingkahan di kalangan ahli Pertubuhan Zionis Sedunia yang dikenali sebagai Kontroversi Uganda. Kontroversi ini berakhir berikutan kematian Herzl ketika ia masih ditimbang-tara.

Pemergian beliau tidak bermakna perjuangan Zionis telah berakhir. Karya-karya beliau telah menjadi rujukan utama Zionis sedunia. Antara karya-karya yang telah dihasilkan oleh Theodor Herzl ialah:

1. *The New Getto*: Karya ini telah diterbitkan pada tahun 1894, 2 tahun sebelum Risalah "*The Jewish state*" diterbitkan. Ia berkisar mengenai penderitaan yang dialami oleh bangsa Yahudi di dalam pelarian. Ia telah dipersembahkan dalam sebuah persembahan teater di Vienna, Hungary. Teater ini telah berjaya menarik perhatian keluarga Rothchild untuk turut serta menjayakan agenda Zionis.
2. Novel *Altneuland (The Old New Land)*: Sebuah novel yang menggambarkan negara impian Yahudi.
3. *Der Judenstaat (The Jewish State)*: Diterbitkan pada 1896, ia menjadi rujukan Pertubuhan Zionis Sedunia untuk melaksanakan agenda mereka. Buku kecil ini bertindak sebagai risalah petunjuk politik bagi Zionis.
4. *The Herzl's Diary*: Diari peribadi Theodor Herzl selepas daripada Perhimpunan Zionis Sedunia.


Kematiannya



Herzl mati akibat serangan jantung ketika berusia 44 tahun pada tahun 1904. Mayatnya ditanam di Vienna, tempat di mana ia dibesarkan, bersebelahan kubur ibu dan bapanya.

Pada 10 Ogos 1949, mayatnya telah dipindahkan ke Jerusalem. Tempat pengebumiannya itu kemudiannya dinamakan sebagai "*Mount Herzl*" untuk memperingati jasa beliau.

Abu Khalid merupakan Pegawai Projek Aqsa Syarif dan Felo Penyelidik di Palestine Centre of Excellence (PACE). Sebelum ini beliau merupakan Eksekutif R&D di Aqsa Syarif.



Sebut sahaja Palestin, umum akan maklum akan penderitaan dan liku-liku perjuangan yang dilalui warganya sejak Zionis bertapak rasmi pada tahun 1948 di tanah ar-Ribath itu. Tahun demi tahun, isu Palestin telah memasyarakat. Jika dahulu, hanya mereka yang mempunyai daya akses yang baik terhadap wacana global sahaja yang mampu berbicara soal Palestin, kini seluruh strata masyarakat memperjuangkannya. Bahkan ia telah merentas bangsa, budaya dan agama. Pelbagai makalah ditulis, seminar dan kursus dianjurkan bertemakan perjuangan Palestin, bahkan Palestin adalah menjadi penting untuk mana-mana medium yang komersial seperti akhbar, siaran televisyen dan majalah.

Sesungguhnya, rumus Andalus yang dimusnahkan pada tahun 1492 oleh bala tentera Raja Ferdinand tidak terpakai di bumi al-Quds, kerana dunia seluruhnya telah bangkit dan sedar akan kelicikan Zionis yang memporak-porandakan bumi al-Quds. Temberang Zionis telah terbongkar, walau apa sahaja propaganda yang dimainkan media tajaan mereka untuk menutupi jenayah mereka selama lebih 66 tahun itu. Peristiwa Mavi Marmara, Global March to Jerusalem, sokongan negara-negara Eropah ke atas perjuangan Palestin dan sebagainya telah membentuk plot-plot yang menaiki saban tahun menandakan pembebasan Palestin semakin mendapat perhatian di seluruh pelosok dunia.



Penerbit:

RISALAH HARMONI SDN BHD

Unit E-67-1 Block E, Platinum Walk, No 2 Jalan Langkawi
Taman Danau Kota, 53300 Gombak, K Lumpur, Malaysia
☎ 03-4144 3363 📠 03-4144 3364 📞 011-3290 5457
📧 admin@risalahharmoni.com



🌐 www.risalahharmoni.com
www.aqsasyarif.org.my

📘 Risaalah Harmoni
Aqsa Syarif
Palestine Malaysia

ISBN 978-967-13024-4-6



9 789671 302446

Semenanjung Malaysia **RM12.00** | Sabah/Sarawak RM14.00

